


(<https://news.usm.my>)

Berita Mutakhir ▾

06
JUN


KP KELANTAN LANCAR BUKU TERBITAN USM - PENCEGAHAN JENAYAH



KOTA BHARU, KELANTAN, 6 Jun 2015 - Ketua Polis Negeri Kelantan YDH DCP Dato' Mazlan Mat Lazim melancarkan buku berjudul '111 Tips Mencegah Jenayah' dan 'Jenayah, Penjenayah dan Mangsa Jenayah 100 Mitos dan Fakta' hasil penyelidikan pensyarah Pusat Pengajian Sains Kesihatan (PPSK) Universiti Sains Malaysia (USM) Kampus Kesihatan dengan kerjasama Polis Kelantan.

Berucap pada majlis perasmian karnival United Against Crime : Bersama Mencegah Jenayah, di Pusat Trasformasi Bandar Tunjung Kota Bharu, beliau yakin kedua-dua buah buku itu akan memberi manfaat kepada masyarakat dan mampu memberikan penerangan yang jelas berkaitan keselamatan dan ketenteraman awam serta dapat memberi pelbagai tips pencegahan jenayah.

Ujar Mazlan lagi, kerjasama di antara pihak Polis bersama institusi pengajian tinggi akan dapat memberikan impak positif dalam usaha menangani jenayah.



"Ini kerana hasil kajian ahli akademik seperti kajian psikologi dalam kalangan penjenayah dan mangsa jenayah akan memberikan pelbagai maklumat tambahan kepada pihak Polis dalam mengaplikasikan kaedah-kaedah yang dicadangkan oleh ahli akademik untuk mengatasi jenayah di negara kita," kata Mazlan.

Tambahnya, kerjasama seperti ini juga berketepatan dalam mewujudkan perkongsian pintar di antara pihak Polis dan agensi kerajaan untuk merealisasikan 'Strategi Lautan Biru'.

Mengulas mengenai karnival itu yang berlangsung selama tiga hari bermula hari ini Mazlan berkata ia bertujuan mewujudkan kesedaran dan kerjasama erat pihak polis dengan masyarakat dalam membanteras kegiatan jenayah.



"Sehingga kini indeks jenayah Kelantan telah turun kepada 2.28 peratus melalui pelbagai strategi yang telah kita laksanakan dan kita berharap untukkekalkan momentum tersebut yang mampu dicapai dengan kerjasama semua pihak," katanya.

Program ini ibarat 'Hari Keluarga' bagi kakitangan IPK Kelantan dengan konsep 'campur aduk' di antara polis dengan masyarakat yang dijangka menarik lebih 15,000 pengunjung dengan pelbagai pengisian seperti forum agama, pameran oleh pelbagai agensi keselamatan serta persembahan payung terjun dan 120 gerai jualan. Teks oleh Mohamad Iqmal Mathlan.



Share This

Pusat Media dan Perhubungan Awam / Media and Public Relations Centre

Level 1, Building E42, Chancellory II, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang Malaysia

Tel : +604-653 3888 | Fax : +604-658 9666 | Email : pro@usm.my (<mailto:pro@usm.my>)

Laman Web Rasmi / Official Website : [Universiti Sains Malaysia \(http://www.usm.my\)](http://www.usm.my)

[Client Feedback / Comments \(http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp\)](http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp) | USM News Portal. Hakcipta Terpelihara USM 2015